

## Bab 4: Abul A'la Al-Maududi dan Gerakan Jama'at-i Islami

### Pendahuluan

Dalam bab 3 telah dinyatakan mengenai idea-idea Maududi mengenai pembentukan peradaban Islam yang berteraskan kepada tauhid (Tauhid Premise). Dalam bahagian ini pula akan diterangkan tentang kesinambungan pemikiran Maududi mengenai pembentukan peradaban Islam yang diterjemahkan dalam bentuk kegiatannya secara praktikal bersama Jama'at-i Islami. Maududi membentangkan program Islam dengan penuh kesungguhan. Beliau berusaha sedaya upayanya agar setiap kumpulan atau parti-parti Muslim yang ada pada ketika itu mengambil tugas kebangkitan Islam dan melancarkan pergerakan yang mencontohi corak Khulafa ar-Rasyidin. Beliau menggunakan *Jurnal Tarjuman Al-Quran* menyeru para cerdik pandai Islam agar merenungkan tentang seruan sebenar Islam dan sekiranya mereka yakin hendaklah menggunakan tenaga mereka untuk mendirikan cara hidup Islam bukan sahaja secara peribadi tetapi dalam seluruh lapangan kehidupan sama ada politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan.<sup>210</sup>

Keperluan kepada harakah Islamiah amat mendesak pada ketika itu. Hal ini adalah bertitik tolak daripada kenyataan bahawa gerakan khalifah telah menjadi lemah apabila dipecahkan oleh Inggeris dan INC. Walaupun telah terdapat persatuan orang Islam yang diwakili oleh Liga Muslim, namun menurut Maududi, Liga Muslim cenderung untuk mendirikan sebuah negara sekular.

---

<sup>210</sup> Abul A'la Al Maududi, **Islam Masa Kini**, hlm. 58.

"Tidak diragukan bahawa Liga Muslim telah mengumpulkan kekuatan dengan begitu cepat, tetapi saya berasa walaupun orang yang menyertai akan sanggup mendirikan dan memimpin negara Islam nasionalis, saya juga merasakan bahawa orang-orang yang sedemikian bukanlah orang-orang yang bersungguh akan menegakkan negara Islam."<sup>211</sup>

Oleh itu Maududi berusaha menubuhkan sebuah jamaah yang benar-benar dapat memperjuangkan kedaulatan Islam. Ini mendapat sambutan dari jauh dan dekat. Maududi mengumumkan satu tarikh untuk Persidangan Seluruh India yang bertujuan memikirkan, merancang dan menggariskan satu perencanaan dalam masalah yang dihadapi oleh umat Islam. Akhirnya *Jama'at-i Islami* ditubuhkan pada 26 Ogos 1941 di Lahore. Pertubuhan ini ditubuhkan antara lain adalah untuk bersaing dengan Liga Muslim dalam memimpin gerakan Pakistan, khususnya setelah Resolusi Lahore 1940 memberikan kepercayaan kepada Liga untuk mewujudkan negara Muslim tersendiri.<sup>212</sup>

Pada awalnya rancangan menubuhkan jamaah Islam yang baru disampaikan di dalam *Tarjuman Al-Quran*. Rencana ini mendapat sokongan daripada ramai aktivis Muslim dan golongan ulama muda. Antara ulama muda yang paling terkenal, menyokong pembentukan sebuah organisasi baru Muslim yang dapat menggerakkan massa dan memayungi kepentingan umat Islam adalah Maulana Sayyid Hassan 'Ali An-Nadwi yang kemudiannya menjadi rektor Nadwatul Ulama dan Muhammad Manzur Nu'mani salah seorang ulama Deobandi yang terkemuka. Maududi telah dilantik menjadi Amir (Presiden) dari syura yang dijalankan. Mereka terdiri daripada tujuh

<sup>211</sup> Maryam Jamilah, *Sayyid Abul A'la Al-Maududi Dalam Kenangan*, hlm. 19.

<sup>212</sup> Sayyid Wali Reza Nashr, *The Vanguard of Islamic Revolution: The Jama'at-i Islami of Pakistan*, Berkeley: Universiti of California Press, 1994, hlm. 84.

puluh lima orang yang berkumpul di Lahore untuk mendirikan Jama'at.<sup>213</sup> Selepas itu Jama'at membuka markasnya di Pathankot sebuah bandar yang jauh dari huru-hara Lahore yang boleh menengelamkan organisasi yang baru lahir untuk terus berkembang subur. Kedudukan Pathankot yang terpencil memberi peluang kepada Jama'at-i Islami melakukan perancangan, pertarbiyahan dan pembentukan ahli yang mantap sebagai satu umat.<sup>214</sup> Antara 1941 sehingga 1947 Jama'at telah menyebarkan dakwah ke seluruh India melalui ceramah, rapat umum, seminar, persidangan dan pertemuan dengan segenap lapisan masyarakat.

Menurut Maududi, setiap Muslim sebagai individu harus menegakkan Islam dalam kehidupan peribadinya. Manakala sebagai anggota masyarakat, mereka harus menerapkan Islam dalam kehidupan sosial. Islam harus dijalankan pada setiap tempat dan waktu sama ada dalam lingkungam rumah tangga, dalam berekonomi, pendidikan, kesusastraan dan dalam seluruh kebijaksanaan pemerintahaan. Dengan itu katanya kata-kata dan perbuatan harus memberikan kesaksian yang jujur tentang Islam di hadapan umat manusia. Seterusnya beliau mengatakan bahawa satu-satunya tujuan utama sebagai seorang Muslim adalah menegakkan Islam dan memberikan kesaksian di atas kebenarannya.<sup>215</sup>

Di dalam *Tarjuman Al-Quran* April 1941 Maududi mengatakan:

<sup>213</sup> Ali Rahnema, **Pioneers of Islamic Revival**, hlm. 116.

<sup>214</sup> Ibid., hlm. 116

<sup>215</sup> Abu A'la Al Maududi, **Witness unto Mankind: The Purpose and Duty of The Muslim Ummah**, Islamic Foundation, London, 1985, hlm. 50.

<sup>215</sup> Mustafa Hj. Daud, **Beberapa Aspek Pemikiran Maududi**, hlm. 14.

"Sewajarnya wujud satu jamaah yang benar-benar suci untuk menyeru kepada Allah. Jamaah yang sanggup menghadapi cubaan di penjara, dianiaya, tempat rujukan, menolak tohmahan dan cerita-cerita palsu, tidak takut kepada latar, dahaga dan berani menghadapi kematian. Jamaah juga sanggup berkorban harta dan nyawa dengan redha dan meletakkan setiap sesuatu yang dimilikinya sebagai satu pengorbanan di dalam usaha untuk mendirikan masyarakat Islam dan perundangan."<sup>216</sup>

Pada pandangan Maududi biarlah jumlah ahli partinya kecil tetapi bersemangat dan tahan lasak. Keahliannya tidak terhad kepada golongan ulama sahaja tetapi sesiapa sahaja boleh menjadi ahli asalkan mempunyai cita-cita, niat dan melibatkan diri secara bersungguh untuk mencapai cita-cita Islam. Terdapat 2 asas penting yang menjadi pegangan Maududi dalam memimpin Jama'at.

Asas pertama adalah mengaktifkan kesedaran umat. Maududi menerapkan kaedah bahawa setiap pemimpin dan ahli sesuatu gerakan mestilah terlebih dahulu mengkaji dan mengenal pasti latar belakang masyarakat yang bakal dihadapi dan menyediakan program yang sesuai untuk menarik mereka kepada Islam.<sup>217</sup> Oleh itu Jama'at sebagai sebuah jamaah Islam menggunakan metode memberikan kesedaran dan mengingatkan orang-orang Islam bahawa tugas mereka yang terpenting adalah memberikan kesaksian di hadapan umat Islam apa yang dituntut dari dirinya dan apa maknanya menjadi Muslim dan bagaimana sikap sebagai orang Islam yang benar dan bertanggungjawab.<sup>218</sup>

---

<sup>216</sup> Al Maududi, **Tanggungjawab Umat Islam Di Hadapan Umat Dunia**, Gema Insani, Jakarta, 1991, hlm. 50.

<sup>217</sup> Ibid., hlm. 16.

<sup>218</sup> Ibid., hlm. 50

Asas kedua adalah mementingkan kerja secara berorganisasi (Amal Jamaei). Perjuangan menegakkan Islam perlu kepada keikhlasan, kesungguhan dan perencanaan yang tersusun dan teliti. Usaha yang begitu penting ini mustahil dapat dilakukan tanpa jamaah. Apatah lagi umat Islam berhadapan dengan musuh dari depan dan belakang yang menguasai dan menaungi tamadun dunia melalui penjajahan wilayah, isme-isme, teknologi mahupun kekuatan material. Daripada dalil-dalil Al-Quran, Hadis, sirah Nabi serta logik akal keperluan kepada jamaah Islam dan organisasi yang tersusun rapi adalah suatu yang asasi bagi mengembalikan kegembilangan peradaban Islam.<sup>219</sup>

Menurut Maududi, apabila mereka telah menyedari tentang tugas dan tanggungjawab maka semua tanggungjawab tersebut tidak dapat terlaksana secara individu atau perseorangan. Mereka harus bekerja secara terorganisasi dan bekerja dalam jamaah. Hanya sebahagian kecil sahaja dari kewajipan adalah tanggunjawab individu selainnya adalah tanggungjawab masyarakat dan pemerintah. Jika sesebuah masyarakat tersebut diperintah oleh sistem sekularisme yang kufur maka bagaimakah sistem Islam tersebut boleh dilaksanakan. Bahkan katanya, kehidupan peribadi Islam turut tidak berjalan dengan lancar.<sup>220</sup> Menegakkan Islam dengan kukuh dan kesaksian sepenuh hati adalah sangat penting untuk memulai perjuangan secara berjamaah dan terorganisasi. Mereka yang menyedari tentang tugas dan tanggungjawab sebagai Muslim harus bersatu membentuk peribadi mengikut acuan Islam seterusnya berupaya mengajak dan menyeru umat manusia kepada Islam.

---

<sup>219</sup>Ibid., hlm. 50.

<sup>220</sup>Ibid., hlm. 51.

Sebab itu katanya, kehidupan bersama jamaah Islam merupakan suatu perkara pokok di dalam Islam. Maududi membawa sebuah hadis yang diriwayarkan oleh Al Harits al Asy'ari, yang bermaksud:

"Saya beri kamu lima perintah yang telah Allah berikan padaku, pertama al jamaah, yakni bergabung dalam kehidupan yang terorganisasi. Kedua, al-sama' iaitu mendengarkan dengan penuh perhatian, taat dan sungguh-sungguh. Ketiga, al-tha'ah iaitu taat dan patuh. Keempat, al-hijrah iaitu menyingkirkan segala halangan di jalan Allah dan kelima al-jihad fi-sabillah. Mereka yang mengundurkan diri dari jamaah bererti memenggal Islam dari lehernya. Kecuali mereka kembali dan mereka yang mengumpulkan orang-orang kembali kepada tuntutan jahiliyah termasuk orang-orang yang akan dilemparkan ke neraka jahanam. Para sahabat bertanya: ya rasulullah meskipun ia melaksanakan puasa dan mengerjakan sembahyang? Baginda menjawab Ya meskipun ia berpuasa dan mengerjakan solat dan menyatakan bahawa ia seorang Muslim".

(HR Al Harits al-Asy'ari)

Dari Hadis tersebut menurut Maududi dapat disimpulkan bahawa pertama, menyeru umat Islam berjuang dengan kaedah yang betul, iaitu menegakkan disiplin organisasi. Ia dijadikan wadah kepada para anggota untuk mendengar dan mematuhi perintah pemimpin mereka dalam melaksanakan hijrah dan jihad, apabila situasi memerlukan.<sup>221</sup>

Kedua, mengundurkan diri dari jamaah sama dengan mengundurkan diri dari Islam. Pengunduran diri seperti ini bererti kembali kepada kehidupan sebelum Islam. Ketiga, hanya melalui kehidupan secara berjamaah perjuangan bersama (jihad) tujuan Islam dan tuntutan-tuntutannya dapat dipenuhi. Seperti kata-kata Syidina Umar Al Khattab "Tidak ada Islam tanpa jamaah". (jami Bayan al-ilm, oleh Ibnu 'abd. Al-Barr).

---

<sup>221</sup> Lihat buku-buku tentang tanggungjawab dan tuntutan sebagai seorang Muslim. Syed Asad Gilani, **A Mission A Movement**, Islamic Publications Ltd., Lahore, 1982. Fathi Yakan, **Apa Ertinya Saya Menganut Islam** (Terjemahan Alias Othman), Pustaka Salam, 1986.

## Struktur Organisasi Jama'at-i Islami

Struktur organisasi Jama'at dinyatakan di dalam perlembagaan parti.<sup>222</sup> Ia secara rasminya terdiri daripada anggota (*arkan*) dan simpatisan (*mutaffiqs* dan *hamdards*) yang kesemuanya mempersiapkan tenaga kerja (*karkun*). Mereka yang menjadi *arkan* sahaja yang layak memegang jawatan di dalam parti. Jama'at diketuai oleh Amir yang dilantik melalui majlis syura.<sup>223</sup> Urusan pentadbiran parti dikendalikan di pejabat *Qayyim*. Jangkuan organisasi juga luas, ia berkembang di peringkat negeri, daerah dan ke kampung-kampung. Terdapat pelbagai unit sebagai sayap yang menggerakan aktiviti-aktiviti Jama'at seperti unit pekerja profesional, pekerja buruh dan petani, Unit pelajar Islam *Jama'at-i Tulabah* (Masyarakat Pelajar Islam), *Jama'at-i Tulabah-i' 'Arabiyah* (Masyarakat Pelajar Arab) dan Masyarakat Pelajar Wanita Islam. Kelahiran Jama'at adalah bertujuan untuk mengisyaratkan kebangkitan Islam dan mewujudkan model organisasi Islam yang mempraktikkan kesyumulan Islam. Mereka turut menegaskan tentang hak politik dan budaya Islam. Para anggota ditekankan tentang perihal pentingnya mengislahkan diri dalam semua sudut kehidupan agar selari dengan ajaran Islam. Secara politik, model organisasi Jama'at menjalankan fungsi sebagai parti barisan hadapan yang memperjuangkan revolusi Islam.<sup>224</sup>

## Amir

<sup>222</sup> Maklumat lengkap berkenaan dengan perlembagaan parti, struktur organisasi, tanggungjawab setiap unit, syarat dan tanggungjawab menjadi ahli jamaat dapat dilawati di laman web <http://www.jamaat.org/jiconst/part1.html>. Lihat juga Sayid Wali Reza Nasr, *The Politics an Islamic Movement: The Jama'at-i Islami Pakistan*, Massachusetts Institute of Technology, 1991, Bab 8.

<sup>223</sup> Maryam Jameelah, *Islam In Theory and Practice*, Mohammad Yusof Khan, Lahore 2<sup>nd</sup> 1973, hlm.338.

<sup>224</sup> Ali Rahnema, *Pioneers of Islamic Revival*, hlm. 117.

Pejabat Amir adalah unit pentadbiran utama yang ditubuhkan oleh Jama'at memandangkan kepentingannya. Amir dipilih dari syura melalui pemilihan majoriti mudah namun sejak 1956 Amir dipilih oleh ahli (arkan) Jama'at. Tempoh jawatan bagi satu sesi adalah lima tahun namun tiada had untuk sesi memegang jawatan tersebut. Kaedah pemilihan adalah menerusi jawatankuasa syura pusat. Syura akan memilih tiga orang calon Amir. Ahli akan memilih salah seorang daripada calon melalui undi rahsia yang dihantarkan kepada sekretariat pemilihan (nazim-e intikhabat). Senarai calon mesti diberitahu enam hari sebelum hari pengundian dan ahli perlu mendaftar untuk mengundi 90 hari sebelum tarikh pengundian. Dalam sejarah Jama'at tiada Amir yang disingkirkan dari jawatan tersebut melalui pengundian. Kedua-dua Amir yang telah dipilih Maududi (1941-1972) dan Mian Tufail Mohammed (1972-1987) meletakkan jawatan melalui pilihan sendiri. Pemilihan Maududi sebagai Amir Jama'at-i Islami yang pertama adalah secara sebulat suara. Jika berlaku sesuatu kecemasan yang menyebabkan jawatan Amir dikosongkan maka jawatan sementara ketua tersebut perlu diisi oleh salah seorang ahli senior melalui Majlis Syura sebelum pemilihan rasmi dilakukan.<sup>225</sup>

Amir mempunyai kuasa mendapatkan ketaatsetiaan (wala') yang tidak berbelah bagi dari semua ahli. Walau bagaimanapun beliau tidak boleh membuat keputusan sewenang-wenangnya kerana adanya 'chek and balance' daripada syura. Keputusan Amir tidak boleh menjangkau batasan pendapat syura. Jika pendapat beliau adalah bertentangan dengan syura, beliau mempunyai dua pilihan sama ada menyetujui

---

<sup>225</sup> Ibid., [http://www.jamaat.org/jiconst/part\\_1.html](http://www.jamaat.org/jiconst/part_1.html), hlm. 3.

pendapat syura ataupun meletakkan jawatan sebagai Amir. Dalam soal perbelanjaan dan pentadbiran Amir dibantu Majlis 'Amelah iaitu ahli yang dipilih dari kalangan syura.<sup>226</sup>

### Syura

Selain daripada pejabat Amir, Syura adalah bahagian yang sangat penting di dalam struktur organisasi Jama'at-i Islami. Bahagian ini menguruskan penyediaan dan pelaksanaan ideologi parti serta mengawal perjalanan perlembagaan. Syura diperingkat bawahan mempunyai peranan yang sama dengan syura pusat namun ia tidak menaggung bebanan tanggungjawab yang besar seperti syura pusat. Ahli syura di setiap peringkat adalah dipilih kemudian beliau akan menjadi wakil ke syura pusat.

Pada peringkat awal penubuhan Jama'at syura pusat terdiri daripada 12 orang ahli kemudiannya meningkat kepada 16 pada tahun 1951 dan seterusnya meningkat kepada 50 orang sewaktu berlakunya perubahan perlembagaan parti di Konvensyen Machei Goth. Pada tahun 1962 jumlah ahli syura meningkat lagi kepada 60 orang, ini memberi peluang yang lebih besar kepada wakil-wakil kawasan untuk berada di dalam syura pusat. Sehingga tahun 2000 ahli terdiri daripada 70 orang selain daripada Jawatankuasa Kerja ('Amelah) seramai 15 orang yang dipilih oleh Amir.<sup>227</sup>

<sup>226</sup> Maryam Jameelah, *Islam In Theory and Practice*, hlm. 340.

<sup>227</sup> <http://www.jamaat.org/overview/facts.html>. hlm. 4.

### **Setiausaha Umum dan Sekretariat**

Pejabat Setiausaha Umum (qayyim) telah diadakan pada tahun 1941. Setiausaha Umum dilantik oleh Amir melalui perbincangan dengan syura. Pejabat sekretariat wanita adalah di bawah pentadbiran tersendiri. Pihak wanita juga mempunyai syura pusat dan pejabat Setiausaha Umum (qayyimah). Setiausaha Umum wanita dilantik oleh Amir melalui perbincangan dengan ahli wanita. Golongan wanita di dalam Jama'at terlibat secara aktif teutamanya dalam menyampaikan idea-idea Jama'at kepada golongan wanita. Mereka menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah dan kerja-kerja kebajikan terhadap golongan wanita.<sup>228</sup>

Sekretariat Jama'at berperanan mengawasi bahagian-bahagian penting di dalam Jama'at selain melihat keperluan dan perubahan bagi kemajuan parti. Bahagian-bahagian yang penting di dalam parti adalah seperti bahagian kewangan, tarbiyyah, khidmat dan kebajikan masyarakat, institusi akidah, perhubungan media, pilihanraya, perkara berkaitan dengan parlimen dan juga organisasi Jama'at. Setiap bahagian diketuai oleh nazim (ketua bahagian) yang dilantik oleh Amir. Bahagian-bahagian tersebut bertanggungjawab kepada Setiausaha Umum dan dalam masa yang sama kepada Timbalan Amir.<sup>229</sup>

### **Penubuhan Pakistan**

Pada hakikatnya Maududi menyokong malah terlibat sama dalam penubuhan Pakistan dan konsep dua negara. Sementara itu orang-orang Islam India pula harus

<sup>228</sup> Ibid., hlm 6-7.

<sup>229</sup> Ibid., hlm. 7.

diberi kebebasan untuk mengembangkan dan mencapai kemakmuran di negara mereka sendiri. Pada masa yang sama Maududi menentang keras sebarang bentuk perkauman yang tidak mendatangkan apa-apa hasil selain kebencian dan rasa takut antara orang Hindu dan Muslim. Menurut Maududi orang-orang Islam bukanlah bangsa yang biasa tetapi manusia yang memikul tugas menyebarkan amanat Islam ke seluruh dunia. Seorang Islam di sebut Muslim tidak hanya kerana beliau dilahirkan di dalam keluarga Muslim dan diberi nama Islam, tetapi kerana sikap dan perlakuan hariannya yang memberikan kenyataan tegas kepada jiran yang bukan Muslim bahawa sikap dan pelakuannya dijawi oleh kalimah tauhid.<sup>230</sup>

Mengaku diri sebagai sebagai Muslim sahaja adalah tidak mencukupi. Seorang Muslim harus benar-benar hidup di dalam kehidupan Islam sesuai dengan tuntutan Al-Quran dan Al-Sunnah agar dihormati oleh para jiran Hindunya, melaksanakan dakwah dan tabligh yang bersemangat tinggi.

Maududi mengatakan bahawa walaupun Liga Muslim telah mengumpulkan kekuatan dengan begitu cepat tetapi beliau berasa bahawa mereka akan sanggup mendirikan sebuah negara Islam nasionalis, namun mereka bukanlah bersungguh-sungguh akan menegakkan negara Islam. Corak kepimpinan dan mereka yang berada di dalam Liga Muslim malah barisan hadapan Liga Muslim tidak menunjukkan perwatakan dan bahawa mereka tidak akan membentuk negara Islam yang sebenarnya. Beliau

<sup>230</sup> Al Maududi, *Tanggungjawab Umat Islam Terhadap Umat Dunia*, hlm. 50.

mengatakan bahawa mereka hanya membentuk negara nasionalis untuk orang-orang Islam tetapi tidak mampu mengubahnya menjadi negara Islam.<sup>231</sup>

Sebelum terjadinya pemisahan benua kecil India lagi beliau telah meramalkan jika Pakistan tidak terbentuk sebagai sebuah negara Islam sejati, maka semangat perkauman akan segera bangkit kembali dengan mewarnai pergerakan mereka. Gejala seperti ini akhirnya akan menimbulkan pepecahan di dalam negara yang sukar dihindarkan lagi:

"Oleh kerana itu, ada tiga masalah di hadapan saya iaitu, untuk menyelamatkan orang-orang Islam, apa yang mesti dilakukan jika India berpecah, apa yang harus dilakukan bagi orang-orang Islam yang akan tingal di India jika berlaku pepecahan, apa yang harus dalam kaitannya dengan kes-kes terdahulu untuk menghalang negara-negara Islam baru menjadi bukan Islam dan membawanya ke jalan yang benar-benar merupakan jalan negara Islam sejati. Setelah saya memikirkan hal-hal tersebut, timbul gagasan di dalam fikiran saya untuk menujuhkan organisasi yang dikenali sebagai Jama'at-i Islami bertujuan mengatasi keadaan ini. Meskipun pandangan-pandangan baru yang saya bawa ini masih belum menarik ramai orang dan saya pula dicemuh oleh beberapa golongan. Namun masih ada juga segelintir orang yang sedia bekerjasama sehingga Jama'at-i Islami akhirnya mampu menunjukkan kemampuannya. Saya tidak pernah berhenti dari bertahan agar Jama'at-i Islami akan terdiri daripada orang-orang yang bukan sahaja menjadi pengikut Islam yang setia malah memiliki akhlak yang benar-benar dapat dipercayai dan mampu melahirkan keyakinan kepada orang lain. Kekuatan yang sebenarnya tidak bergantung kepada jumlah orangnya tetapi bergantung kepada akhlaknya. Oleh itu Jamaah harus terdiri daripada orang-orang yang memiliki akhlak yang benar-benar dapat dipercayai tanpa menghiraukan betapa kecil jumlah mereka, yang melahirkan keyakinan kepada orang dengan kata dan perbuatannya serta orang-orang yang boleh dipercayai untuk menyimpan derma-derma orang-orang Islam serta mengeluarkannya sesuai dengan maksud diberikan. Saya lantas memutuskan agar jamaah menjadi organisasi yang begitu kukuh dan memiliki disiplin tegas serta serta tidak terdapat pengenduran nilai-nilai ini. Faktor lain yang saya fikirkan ketika mengatur jamaah ini ialah Jama'at-i Islami mestilah terdiri daripada orang-orang lulusan sistem pendidikan lama dan sistem pendidikan baru sehingga memungkinkan adanya sesuatu kerjasama yang harmonis demi pembentukan undang-undang Islam. Jamaah turut mengusahakan sesuatu penyatuan di antara semua mazhab pemikiran walaupun belum lagi ada seorang Syiah yang menjadi anggota penuh Jamaah. Meskipun begitu, ramai di antara mereka yang bergabung sebagai muttafiqin (yang bersimpati).<sup>232</sup>

<sup>231</sup> Mustafa Hj. Daud, **Beberapa Aspek Pemikiran Al-Maududi**, hlm. 14.

<sup>232</sup> Ibid., hlm. 20-21.

Tiada seorang Islam India yang lebih bersemangat di dalam menyokong pergerakan Pakistan selain daripada Maududi. Di dalam semua tulisan dan ucapannya, ia menyakinkan orang-orang Islam India bahawa mereka adalah kumpulan masyarakat tersendiri dan harus mengatur diri di dalam negara yang didirikannya sendiri dan harus mengatur dirinya sendiri jika mereka ingin bebas dari ancaman pengusaan Hindu. Dalam menjelaskan hubungan dengan Muhammad Ali Jinnah (Liga Muslim), Maududi menjelaskan bahawa di antara Jama'at-i Islami dan pertubuhan Liga Muslim di India tidak ada pertentangan.<sup>233</sup> Matlamat yang wujud ialah gerakan Islam Jama'at-i Islami ingin mengusahakan suatu cita-cita yang lebih tinggi, sementara Liga Muslim pula berusaha untuk meyedarkan umat Islam di India tentang keperluan mendesak untuk memiliki sebuah negara Islam Pakistan yang terpisah dari India dan jika tidak berjaya, maka tugas Jama'at-i Islami juga tidak akan dapat dijalankan.<sup>234</sup>

### **Penglibataan Dalam Politik**

Setelah India terpecah, Jama'at banyak bergerak di Pathankot. Suasana politik Pakistan pada ketika itu membuka ruang kepada Jama'at untuk terlibat secara langsung dalam kancan politik Pakistan. Pakistan sebagai sebuah negara baru di lihat sebagai sebuah wilayah yang subur untuk perkembangan budaya Islam. Pakistan menunjukkan kerencaman kelompok sosial dan etnik dengan agama yang satu-Islam. Walaupun Pakistan mempunyai keunikan dari segi persamaan agama, namun ia mengalami pengalaman sulit dalam menyatukan kelompok yang berbeza tersebut. Di negara ini berlaku beberapa kali pemerintahan tentera, konflik sosial dan perang

---

<sup>233</sup> Ibid. hlm 14-20.

<sup>234</sup> Ibid., hlm 14-20.

saudara yang berlanjutan. Semua ini menjadikan daya emotif Islam semakin menarik dan membuatkan kelompok Islam semakin kehadapan dalam menyuarakan isu nasional.<sup>235</sup>

Menurut Maryam Jameelah, Maududi aktif bergiat di dalam politik adalah kerana jika negara Islam tidak akur kepada syariat ia akan dipengaruhi oleh anasir-anasir bukan Islam. Sementara itu para pemimpin yang tidak akur kepada syariah akan dipengaruhi dengan pelbagai fahaman yang bertentangan dengan Islam. Nasionalisme katanya yang diperlakukan di negara-negara Islam bertanggungjawab melahirkan keadaan huru-hara. Begitu juga fahaman sekularisme yang diamalkan di Turki dengan jelas berjuang untuk menghapuskan unsur-unsur Islam.<sup>236</sup>

Kegiatan politik merupakan antara kegiatan terpenting Jama'at-i Islami, Maududi menjelaskan bahawa penglibatannya dalam bidang ini adalah atas dasar taat kepada perintah Allah sebagai Maha Pencipta dan usaha untuk mencegah kemungkaran dan kemunafikan sebagai perjuangan untuk menjadi Mukmin sejati. Sistem pemerintahan yang tidak berlandaskan kepada pemerintahan Islam adalah sama dengan penyembahan kepada tuhan-tuhan palsu. Mereka yang merancang dan bergantung kepada sistem tersebut semuanya adalah mereka yang berpaling daripada Allah swt dan melewati batas-batas undang-undangNya.

<sup>235</sup> Mustafa Hj. Daud, **Beberapa Aspek Pemikiran Al-Maududi**, hlm. 118.

<sup>236</sup> Maryam Jameelah, **Who Is Maudoodi?**, hlm. 56-57.

Katanya, selagi kepimpinan masih diterajui oleh mereka yang tidak mempunyai cita-cita mendaulatkan hukum Allah swt. adalah amat sukar untuk umat Islam mengamal dan mempraktikan Islam secara total. Apatah lagi untuk mewariskan kepada generasi akan datang. Selagi golongan tidak bermoral dan mereka yang mengingkari Allah terus berkuasa maka kesesatan akan terus berlaku. Beliau menegaskan:

"Matlamat jihad Islam ialah menghentikan pengaruh sistem pemerintah yang bukan Islam dan meggantikannya dengan undang-undang Islam. Islam tidak melakukan sesuatu revolusi untuk sebuah atau beberapa negara tetapi untuk seluruh dunia. Meskipun ada awalnya tugas setiap anggota pergerakan Islam adalah untuk revolusi di tempat mereka berada, tetapi tujuan utamanya adalah untuk revolusi dunia... Kebenaran dan hak amat berkait rapat. Tiada sebuah pun bahagian kemanusian yang boleh terpisah darinya."<sup>237</sup>

Jama'at berusaha mempertahankan Islam dalam masyarakat dan politik. Dalam masa sama melatih golongan yang mampu mendokong aspirasi Islam yang diperjuangkan. Mereka melatih golongan elit Islam barisan hadapan untuk mengawasi dan mengatur kebangkitan Islam di peringkat nasional. Jaringan aktiviti yang lancar dan penglibatan ahli yang komited bukan sahaja mengetengahkan pandangan Maududi tetapi juga berjaya memperkuatkan Jama'at di arena politik. Sejak 1941 lagi Jama'at menggunakan platform religio-politik dalam agenda perjuangannya. Dalam perjuangan politik ini, Jama'at berada di hadapan apabila isu-isu berkaitan dengan Islam menjadi pokok perbincangan. Antara isu tersebut termasuklah tuntutan perlombagaan Islam, Isu Kashmir dan Qadiani.<sup>238</sup>

<sup>237</sup> Maududi, "Maududi Answer Question", **The Muslim**, London, Mac 1969, hlm. 128.

<sup>238</sup> Ali Rahnema, **Pioneers of Islamic Revival**, hlm. 119.

### **Tuntutan Perlombagaan Islam**

Jama'at menjadi pemimpin dalam merapatkan hubungan dengan ulama dan kumpulan Islam yang lain dalam menuntut perlombagaan Islam dilaksanakan di Pakistan.<sup>239</sup> Gagasan dan kesungguhan Jama'at dalam menuntut perlombagaan Islam mewarnai perdebatan antara pemerintah dan Jama'at dari tahun 1947 sehingga 1956. Contohnya tuntutan Maududi mengenai perlombagaan Islam tergambar dalam Resolusi Objektif 1949 yang menunjukkan tujuan pemerintah berkenaan dengan perlombagaan. Kegiatan Jama'at pada tempoh ini akhir membawa kepada konfrantasi terbuka dengan pihak pemerintah. Setelah tertubuhnya Pakistan, Jama'at melarang orang Pakistan menyatakan taat setia kepada negara kecuali pemerintah menjalankan perlombagaan Islam di dalam pemerintahannya. Tindakan Jama'at ini menimbulkan masalah kepada pemerintah kerana ia melibatkan hubungan luar negara.<sup>240</sup>

### **Isu Kashmir**

Pada tahun 1948 dalam tempoh gencatan senjata antara Pakistan dan India, kerajaan Pakisatan mencabuli gencatan senjata tersebut dengan terus menghantar tentera ke Kashmir. Pihak pemerintah menyatakan bahawa tindakan tersebut sebagai jihad. Namun Maududi menyatakan bahawa tindakan kerajaan tersebut (menghantar tentera ke Kashmir) tidak boleh dikatakan sebagai jihad. Jihad menurut Maududi tidak boleh dilakukan secara sembuni-sembunyi apatah lagi dilakukan dalam tempoh gencatan senjata. Tindakan tersebut disifatkan oleh Maududi sebagai

<sup>239</sup> Leonard Binder, **Religion and Politics in Pakistan**, Universiti of California Press, Berkeley, 1961.

hlm. 34

<sup>240</sup> Mustafa Hj. Daud, **Beberapa Aspek Pemikiran Al-Maududi**, hlm. 120.

'munafik' Maududi berpendapat bahawa kerajaan seharusnya secara rasmi berperang dengan India dalam soal Kashmir.<sup>241</sup> Ataupun mentaati gencatan senjata yang dilakukan, Islam menurut Maududi tidak membenarkan melakukan perlanggaran perjanjian yang disepakati bersama. Pihak pemerintah tidak menyambut baik sikap Maududi dan menuduh Jama'at melakukan aktiviti subversif pro India dan anti-Pakistan. Beberapa pemimpin Jama'at termasuk Maududi dipenjarakan atas tuduhan menghasut.

Walaupun Maududi ditangkap namun tindakan beliau mengkritik pemerintah dalam persoalan Kashmir telah menaikkan reputasi Jama'at sebagai badan yang memperjuangkan nasib umat Islam. Episod ini menguatkan kedudukan Jama'at dalam mempengaruhi perjalanan politik Pakistan. Perdebatan perlombagaan menjadi agenda utama di Karachi. Ia secara tidak langsung menambahkan lagi kepekaan pemerintah terhadap desakan pihak yang memperjuangkan Islam. Dalam masa yang sama kerajaan telah meningkatkan pemerhatian dan kawalan terhadap aktiviti Jama'at namun ia bukanlah penghalang bagi Jama'at untuk terus berperanan dalam kancan politik Pakistan. Sewaktu di dalam penjara, Maududi terus menggerakkan golongan ulama dan pelbagai kelompok agama untuk mendesak Majlis Perundungan untuk membawa Pakistan ke arah sebuah negara Islam.<sup>242</sup>

---

<sup>241</sup> Sayyid Vali Reza Nasr, **Maududi dan Jama'ati Islami: Asal Usul, Teori dan Praktik**, hlm. 108.

<sup>242</sup> Ibid., hlm. 109.

Aktiviti Jama'at semakin bersemarak setelah Maududi keluar dari penjara pada tahun 1950. Jama'at berjaya menguatkan gerakan Islam. Pada tahun 1951, Jama'at mula aktif dalam politik. Mereka turut serta dalam pemilihan wilayah Punjab. Percubaan pertama ini tidak berhasil. Namun Jama'at telah berjaya mempromosikan program dan agendanya kepada masyarakat awam.<sup>243</sup>

### **Masalah Golongan Qadiani<sup>244</sup>**

Pada tahun 1953 berlaku lagi penentangan hebat golongan ulama terhadap kerajaan yang berkaitan dengan isu Ahmadiah. Kemuncaknya berlaku pemberontakan rakyat berkenaan anti-Ahmadiah di Punjab dari tahun 1953-54. Seramai tiga puluh tiga orang ulama yang mewakili pelbagai persatuan dan kumpulan Islam telah berkumpul di Karachi menuntut agar pimpinan golongan Qadiani ini seperti Zafarullah Khan dan Menlu Ahmadi di pecat dari jawatan utama kerajaan dan golongan ini diisytiharkan sebagai golongan minoriti non-Muslim.<sup>245</sup> Pemberontakan ini dipimpin oleh golongan ulama dan kelompok agama seperti *Anjuman-i Ahrar-i Islam* (Masyarakat Muslim Bebas).

Sementara itu Maududi menulis buku *Qadiyani Mas'alah* (Masalah Qadiani) yang berasaskan tuntutan supaya golongan Qadiani diisytiharkan sebagai golongan

<sup>243</sup> Ali Rahnema, *Pioneers of Islamic Revival*, hlm 120.

<sup>244</sup> Lihat penerangan lanjut mengenai kelahiran golongan Qadiani, latar belakang pengasasnya. Mirza Ghulam Ahmad, fahaman dan kegiatannya di benua kecil India di dalam buku. Abu Hassan Ali Nadwi, *Qadianism, A Critical Study*, Islamic Research and Publications, Lucknow, 1974.

<sup>245</sup> Abul A'la Al Maududi, *The Qadiani Problem*, Islamiyah Publications Ltd, Lahore, 1953, hlm. 1.

minoriti bukan Islam. Buku ini secara jelas menyatakan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa golongan ini bukan sebahagian dari Islam. Dokongan dan pandangan Jama'at tentang golongan Qadiani ini dianggap lebih berbahaya dan menyakitkan hati berbanding tindakan provokatif pihak *Ahrar*. Sekali lagi pihak kerajaan menangkap beberapa pimpinan utama Jama'at. Maududi dituduh menghasut dan dijatuhkan hukuman mati. Namun hukuman itu kemudiannya diubah dan seterusnya dibatalkan oleh Mahkamah Agung pada tahun 1955.<sup>246</sup>

Sewaktu isu anti-Ahmadiyah reda, pihak Jama'at banyak mendapat manfaat politik walaupun pemerintah mengambil tindakan yang keras terhadap mereka. Ini dapat dilihat dalam perdebatan perlombagaan yang cenderung membincangkan tuntutan Jama'at untuk melaksanakan undang-undang Islam. Dalam Perlombagaan tahun 1956 banyak tuntutan-tuntutan Jama'at diambil kira.

### Zaman Ayub Khan

Pada tahun 1957, Maududi mengarahkan Jama'at untuk mengakui keabsahan negara sekaligus turut serta dalam pilihanraya umum pada tahun 1958. Namun begitu Perlembagaan 1956 tidak digunakan apabila Jeneral Muhammad Ayub Khan berkuasa pada tahun 1958. Beliau mengamalkan pemerintahan sekular yang melarang sama sekali menggunakan agama dalam politik.

---

<sup>246</sup> Ali Rahnema, *Pioneers of Islamic Revival*, hlm. 121.

Tahun-tahun berikutnya menunjukkan politik Pakistan dikuasai oleh pihak tentera yang mempromosikan modenisme Islam sebagai jalan bersaing dengan pengaruh Jama'at dan golongan ulama. Mereka merasa berhak untuk menginterpretasikan Islam dan melambatkan pelaksanaan perlembagaan Islam. Aktiviti Jama'at turut dikawal. Para pemimpin Jama'at dikritik melalui media massa utama negara. Maududi sendiri telah dipenjarakan sebanyak dua kali sepanjang Jeneral Ayub Khan berkuasa iaitu pada tahun 1964 dan 1967.

Pengalaman Jama'at dengan pemerintahan Ayub Khan memaksa gerakan ini mencari sekutu baru di luar golongan kebangkitan Islam. Jama'at bekerjasama dengan parti-parti lain yang memperjuangkan pemulihan demokrasi dan menyingkirkan Ayub Khan dari tampuk pemerintahan. Namun sebenarnya Ayub Khan turut merasai tekanan dari aktiviti dan tindakan Jama'at. Ini disebabkan Pakistan menghadapi banyak masalah nasional dan Islam menjadi alternatif kepada permasalahan yang dihadapi. Contohnya dalam menangani isu Kashmir pada tahun 1965, Ayub Khan secara terbuka meminta Maududi mendokong usaha berperang dengan India dengan mengisyiharkan jihad. Namun saranan Ayub Khan tidak mendapat perhatian Jama'at. Era Ayub Khan dilihat sebagai period yang menyediakan Jama'at sebagai sebuah parti politik.<sup>247</sup>

Ini dapat dilihat pada tahun 1970 apabila Jama'at turut serta dalam pilihanraya umum 1970 dengan tujuan untuk mendapatkan kekuasaan. Namun Jama'at gagal. Mereka

<sup>247</sup> Syah Vali Reza Nasr, **Maududi dan Jama'ati Islami: Asal Usul, Teori dan Praktik Kebangkitan Islam**, hlm. 125

hanya memperolehi empat kerusi di peringkat nasional dan empat kerusi peringat kawasan. Pada tahun 1971 muncul pula isu pemisahan Pakistan Timur dan Barat. Maududi mendedahkan kegiatan konspirasi India dan Israel untuk menghancurkan Pakistan. Beliau mengutuskan telegram kepada pemimpin-pemimpin dunia Islam pada 1 April 1971 yang mendedahkan konspirasi ini. Dasar campur tangan India di Pakistan Timur hanya di sokong oleh oleh Israel. Apabila keadaan di Pakistan semakin meruncing Al Maududi telah menghantar memorandum pada 5 Jun 1971 kepada pemimpin-pemimpin negara Islam, organisasi-organisasi Islam dan sebagainya termasuk di Britain, Amerika Syarikat dan semua akhbar Pakistan. General A.M Yahya Khan yang berkuasa pada waktu tersebut juga berusaha agar Pakistan Timur tetap berada di dalam Pakistan namun usaha beliau juga tidak berhasil.<sup>248</sup>

### **Penglibatan Antarabangsa**

Selain daripada penglibatan dalam politik di benua kecil India Maududi turut aktif melibatkan diri dengan isu-isu antarabangsa yang berkenaan dengan kepentingan umat Islam. Contohnya dalam tahun 1961 beliau telah diminta oleh Raja Ibnu Saud dari Arab Saudi untuk menyediakan kertas kerja pembentukan sebuah universiti Islam di Madinah yang dijangka dapat menambahkan lagi institusi pengajian tinggi Islam. Ini adalah sebagai suatu pengiktirafan yang tinggi terhadap kemampuan dan ketokohan Maududi dalam memberi sumbangan kepada perkembangan Islam.<sup>249</sup>

<sup>248</sup> Mustafa Hj Daud, **Beberapa Aspek Pemikiran Maududi**, hlm. 32-34.

<sup>249</sup> Maryam Jamilah, **Sayyid Abul A'la Al-Maududi Dalam Kenangan**, hlm. 39.

Dalam isu kekejaman India ke atas umat Islam di Kashmir, Maududi menyampaikan tentangannya melalui radio Kashmir di Muzaffarabad. Beliau menentang keputusan Majlis Bangsa-Bangsa Bersatu mengadakan gencatan senjata pada 24 September 1965. Menurut Maududi British Rusia dan Majlis Bangsa-Bangsa Bersatu menyokong India melalui pelbagai cara. Ia bukan sahaja tidak mengenakan tekanan ke atas India agar membuat penyelesaian secara adil berkaitan dengan isu Kashmir sebaliknya membiarkan negara itu mengekalkan dan memperkuatkan cengkamannya lagi ke atas Kashmir. British dan Rusia juga dari masa ke semasa memberikan bekalan senjata kepada India. Sementara itu Amerika Syarikat dan Rusia secara sengaja memperkuatkan angkatan bersenjata India bagi menandingi kekuatan China dengan memberikan kemudahan bagi menjadikan India sebagai satu kuasa nuklear. Di samping mengadakan perang saraf dalam menyelesaikan isu ini, Maududi berpendapat bahawa jihad adalah penyelesaian terakhir dan pilihan tunggal dalam membebaskan Kashmir.<sup>250</sup>

Apabila Israel menyerang Mesir, Syria dan Jordan antara 5-7 Jun 1967, Maududi turut memberikan perhatian serius untuk menggalakkan dunia Islam menyokong negara-negara tersebut dari ancaman Israel. Beliau mencadangkan agar seluruh dunia Islam bersatu padu untuk menyokong negara-negara yang telah di serang tersebut dengan mengadakan satu pasukan badan bertindak. Selain itu menurut Maududi, ini keangkuhan Israel juga memberi kesan yang menyeluruh kepada umat Islam. Ini

---

<sup>250</sup> Mustafa Hj. Daud, **Beberapa Aspek Pemikiran Maududi**, hlm. 30.

terbukti dengan penawanan Masjid Al-Aqsa dan Masjid Sulaiman yang merupakan tempat suci umat Islam.<sup>251</sup>

Menurut Khurshid Ahmad, Maududi merupakan salah seorang pelopor dan pengasas *Rabitah al-Alam al-Islami* (The World Muslim Congress). Beliau juga menjadi salah salah seorang penaja penubuhan Pusat Penyelidikan Islam yang berkaitan dengan undang-undang Islam yang beribu pejabat di Madinah<sup>252</sup>. Beliau menekankan tentang perlunya dunia Islam berdikari dari segi ketenteraan dan tidak bergantung kepada Amerika Syarikat dan Rusia. Dengan tegas beliau menyeru agar umat Islam menolak nasionalisme dan bersatu dalam satu barisan. Hanya Islam sahaja menurut beliau yang berupaya untuk menyatupadukan umat Islam sedunia.

Maududi turut memberikan sokongan kepada perjuangan rakyat Palestin. Hal ini dapat dilihat dalam bulan September 1969 apabila beliau dijemput oleh raja Hassan daripada Maghribi untuk menghadiri persidangan puncak *Rabitah al-Alam al-Islami* dan Persidangan pendidikan di masjid Universiti Qairawayin di Fez. Dalam tahun 1956-1974 Maududi berpeluang untuk berkunjung kebeberapa buah negara khususnya negara-negara Islam Sewaktu lawatan ini beliau diberi kesempatan untuk memberikan syarahan di kota-kota utama negara tersebut seperti di Kaherah, Amman, Mekah, Madinah, Jeddah, Rabat, Istanbul, London, New York, Toronto dan seumpamanya.<sup>253</sup>

<sup>251</sup> Ibid., hlm. 31

<sup>252</sup> Khurshid Ahmad dan Zafar Ansari, *The Man, The Scholar, The Reformer*, di dalam *Islamic Perspectives*, hlm. 364.

<sup>253</sup> Ibid., hlm. 364

Begitulah antara beberapa contoh kegiatan Maududi di peringkat antarabangsa. Ini dilakukan atas kesedaran bahawa semua umat Islam itu adalah bersaudara yang melampaui batas geografi dan sempadan benua.

### **Dakwah Maududi**

Selain daripada penglibatan dalam politik yang dilihat lebih menonjol, usaha dakwah juga merupakan agenda utama Jama'at-i Islami. Ini adalah kerana pertubuhan ini bukanlah semata-mata sebuah parti politik atau pertubuhan agama ataupun sebuah pertubuhan kebajikan tetapi ia adalah sebuah harakah Islamiyah (gerakan Islam) yang bercita-cita untuk menegakkan sistem Islam yang menyeluruh dalam semua aspek kehidupan serta mencari keredhaan Allah.<sup>254</sup>

Dalam melaksanakan program-program dakwah, Maududi membahagikannya kepada empat bahagian:

- (i) Pembersihan dan penyucian akal serta menanamkan pengajaran Islam bagi menghilangkan kebekuan fikiran mereka di masa lampau. Di samping itu mengkritik Barat dari keilmuan, kesenian, sistem-sistem kebudayaan dan tamadun serta menjelaskan perkara-perkara yang merosakkan dan perlu ditinggalkan. Kemudian menerangkan pula bagaimana prinsip-prinsip Islam dapat dipraktikkan bagi menyelesaikan masalah-masalah semasa sehingga

---

<sup>254</sup> Mohd. Mokhtar Shaf'i, Maududi dan Pemikirannya Dalam Dakwah Islam, di dalam *Islamika* No. 2, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 53.

terbentuk satu sistem yang sesuai dengan peradaban dan kemasyarakatan. Oleh itu katanya, perlu kepada kesungguhan bagi menimbulkan revolusi pemikiran dan mengubah arus kehidupan serta mengisi akal dengan pemikiran yang berguna bagi kebangkitan baru.

- (ii) Membebaskan dan menghimpunkan mereka yang baik dalam satu sistem dan mendidik mereka dengan didikan Islam yang sebenarnya. Mereka ini diperlukan dari segenap lapisan masyarakat. Mereka diberikan tarbiyyah di dalam pemikiran dan akhlak supaya fikiran mereka jelas dan hati mereka bertambah bertenaga dan boleh dipercayai.
- (iii) Usaha dalam memperbaiki masyarakat (al-islah al-ijtima'i). Usaha ini adalah menyeluruh kepada setiap lapisan masyarakat, menurut keadaannya, kawasan dan kemampuan yang ada. Tugas ini dibahagikan kepada segenap lapisan masyarakat dan segenap bidang pekerjaan menurut kesanggupan masing-masing. Prinsip asasi yang dijalankan diperingkat ini adalah bekerja bersungguh-sungguh dan penuh iltizam serta tidak patah semangat sehingga berjaya. Kerja-kerja yang dijalankan dengan teliti, bukan seperti burung yang menggugurkan biji benih tetapi seperti seorang petani yang mengusahakan ladangnya dari menanam, menjaga tanaman sehingga memungut hasilnya.
- (iv) Memperbaiki sistem pemerintahan. Pada pendapat Maududi untuk memperbaiki kerosakan adalah mustahil tercapai sekiranya tidak dicurahkan

tenaga bagi memperbaiki sistem pemerintahan di samping usaha untuk memperbaiki masyarakat. Kerosakan yang berlaku ke atas rakyat yang berpunca dari masalah pelajaran, undang-undang, pentadbiran dan pembahagian rezeki adalah tidak mungkin diatasi dengan hanya memberi nasihat, mengajar dan berdakwah sahaja. Tetapi adalah dengan menukar sistem hidup yang serba buruk itu dengan sistem Islam yang lurus. Maududi yakin sekiranya teraju pemerintahan dipegang oleh orang-orang yang baik, beriman dan beramal soleh, tentulah dalam beberapa tahun sahaja perubahan dapat dibuat dan keadaan dapat diperbaiki. Oleh itu tidak hairanlah selain aktif didalam mentarbiyyah dan berdakwah Maududi juga terlibat secara langsung dalam proses politik di Pakistan.

Menurut Mokhtar Shafie,<sup>255</sup> cara Jama'at melakukan kerja-kerja dakwahnya adalah sesuai dengan sifatnya yang diambil daripada Al-Quran dan Al-Sunnah. Pertama sekali mereka hendaklah masuk ke dalam agama Allah itu seluruhnya, membentuk seluruh kehidupan mereka, pemikiran dan amalannya yang selari dengan bentuk agama Allah. Mereka hendaklah bersungguh-sungguh mensucikan hidup mereka dari

<sup>255</sup> Beliau adalah salah seorang pendokong persatuan ar-Rahmaniah yang diterajui oleh berapa orang tokoh ulama seperti Uthman al-Muhammadi dan Mohd. Kamal Hassan dan guru-guru dari Akademi Islam Universiti Malaya seperti Ustaz Hassan Salleh dan Sanusi Daing Mariok. Media rasmi persatuan ini adalah Ia-an-Nur. Ia berperanan menyebarkan idea-idea tokoh ulama tersohor seperti Syed Quthb dan Maududi. Aktiviti juga berperanan menyerang ideologi-ideologi moden seperti nasionalisme dan sekularisme. Aktiviti ini menjadi terbantut apabila Uthman al-Muhammadi meletakkan jawatan dan pulang ke persatuan ini pada tahun 1973. Artikel mengenai pemikiran Maududi yang ditulis oleh Mokhtar Shafie adalah sewaktu beliau menjadi pensyarah di Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya.

sebarang yang menyalahi iman. Dengan itu jiwa, ruh, akhlak dan perjalanan hidup menjadi baik dan kukuh serta tahan dengan pelbagai ujian.<sup>256</sup>

### **Pendekatan (Uslub) Dakwah**

Beberapa uslub digunakan oleh Maududi dalam beliau menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Menurut Khalil Ahmad al-Hamidi, Maududi menggunakan lima cara dalam pendekatan dakwahnya.<sup>257</sup>:

(a) Uslub al-Fallah (cara petani)

Cara ini dijalankan dengan menggunakan kebijaksanaan dalam menyampaikan dakwah dan memberikan didikan seperti seorang petani yang menyediakan tapak yang sesuai bagi tanamannya,kemudian menanam, menjaga, membajainya sehingga memetik hasilnya.

(b) Uslub Tabib (cara doktor)

Oleh kerana manusia itu mempunyai sifat kemanusiaan dan mungkin dihinggapi beberapa penyakit maka ia perlu diubati. Dalam penyelesaian cara ini, manusia itu diberikan rawatannya dengan dakwah dari penyakit-penyakit aqidah dan akhlak perseorangan dan kemasyarakatan. Seorang doktor harus mengetahui jenis penyakitnya untuk membolehkan ia memberikan pengubatan yang sesuai serta mengatur cara-cara mengubatinya serta peraturan pengambilan ubat dan sebagianya. Dalam dakwah cara ini boleh digunakan untuk mengubati penyakit-penyakit akidah akhlak manusia seluruhnya.

---

<sup>256</sup> Mohd. Mokhtar Shaf'i, Maududi dan Pemikirannya Dalam Dakwah Islam, di dalam **Islamika** No. 2, hlm. 61.

(c) Uslub al-Tasnif (cara penyusunan)

Setiap manusia hendaklah diletakkan pada tempatnya yang sesuai, kerana manusia itu mempunyai kebolehan, kedudukan, minat dan kecenderungan yang berbeza. Dalam menggerakkan usaha-usah dakwah dalam Jama'at, Maududi membahagikan unit-unit tertentu mengikut klasifikasi yang sesuai seperti unit penuntut dan belia, unit pelajaran dan pendidikan, unit pekerja, unit petani, unit ahli undang-undang dan peguam, pertubuhan pelajar wanita dan biro penyelidikan. Masing-masing unit dididik dengan dakwah sesuai dengan keperluan mereka. Tugasan juga dapat diberikan selaras dengan kemampuan mereka.

(d) Mabda' al-Ahamn fa al-Ahamn (Dasar Pengutamaan)

Dasar ini adalah dengan meletakkan sesuatu tugas itu menurut kesanggupan dan kadar penglibatan seseorang itu dalam harakah. Orang yang mempunyai penglibatan yang lebih dan berkemampuan diberikan tugas dan tanggungjawab yang sejajar dengan kemampuan mereka.

(e) Al-Qudwah Qabla al-Kalimah (Menjadi pengikut sebelum menjadi penyampai)

Seseorang ahli harakah hendaklah mempelajari Islam terlebih dahulu dan mengamalkannya sebelum mendakwahkan kepada orang lain. Ia juga hendaklah mengikut kepada pemimpinnya sebelum ia mampu untuk memimpin orang lain.

Demikianlah beberapa bentuk pendekatan dakwah yang dikemukakan oleh Maududi didalam mengajak masyarakat kembali kepada kesucian dan kesyumulan Islam.

---

<sup>287</sup> Khalil Ahmad Hamidi, **Al-Imam Abul A'la Al-Maududi, Hayatuhu, Da'watuhu, Jihaduhu**, Lahore, 1980, hlm 52.

Maududi menyatakan tentang pendekatan ini di dalam bukunya *Tadzhkiratuh da'atul Islam* (Beberapa Peringatan Untuk Para Da'i):

"Terlebih dahulu kita bentangkan kepada seluruh manusia akan prinsip-prinsip asas Islam. Setelah itu kita menyeru mereka agar melaksanakan tuntutan itu sedikit demi sedikit tanpa memaksa mereka mengambil sesuatu yang tidak dapat mereka amalkan dengan baik. Kita tidak akan mengemukakan kepada mereka persoalan-persoalan yang furu' (cabang). Kita hanya meletakkan perkara-perkara yang prinsip pada tahap yang paling utama dan penting. Kita melatih mereka supaya tidak menghabiskan waktu memperbaiki kerosakan-kerosakan zahir dan membetulkan persoalan-persoalan luar tanpa mengutamakan kerja-kerja memperbaiki kerosakan-kerosakan pokok yang menjalar dari dalam. Berusaha memperbaiki orang-orang yang telah terperangkap dengan kecuaian dan kesesatan akidah dengan cara yang baik. Bukan dengan cara paksaan, penghinaan dan kebencianan, bahkan membimbang dan menasihati mereka bagi seorang doktor yang merawat pesakitnya."<sup>258</sup>

Sewaktu regim Ayub Khan berkuasa, Jamaat menghadapi masalah untuk menjalankan aktiviti atas nama Jama'at-i Islami kerana segala aktiviti jamaah ini mendapat pemantauan yang begitu teliti daripada pemerintah.

"The significance of these bodies increase manifold when looked from the perspectives of the unfortunate political culture of victimisation in the country. Soon after the establishment of Pakistan, the Jama'at was declared a pariah by the then government. The hostile government forbade its civil service to have any contact with Jama'at."<sup>259</sup>

Oleh itu jama'at terpaksa menggunakan pelbagai nama pertubuhan lain untuk melakukan aktiviti-aktiviti mereka. Tanpa terlibat secara langsung dengan politik, organisasi-organisasi yang terlibat memberikan fokus kepada pelbagai bentuk kegiatan yang memberi manfaat kepada dakwah yang dijalankan.

Organisasi yang terlibat memberikan sumbangan kepada dua aktiviti utama. Pertama usaha penyebaran idea dan penerbitan. Kedua adalah usaha dakwah dan aktiviti di kalangan golongan profesional. Beberapa badan bebas seperti *Islamic*

<sup>258</sup> Abul A'la al-Maududi, **Beberapa Peringatan Untuk Para Da'i**, (Terjemahan Mohd. Darus Senawi), Dewan Pustaka Fajar, Shah Alam, 1985, hlm. 30.

*Publications Lahore* dan juga *Islamic Research Academy* (ditubuhkan pada 1963) telah banyak menyumbang kepada penyebaran fikrah (idea) dan pandangan Jama'at seterusnya menyumbang kepada meningkatkan pengaruh kefahaman Islam kepada dunia Islam secara umumnya serta kesedaran sosial dan politik Islam khasnya di Pakistan. Selain daripada itu majalah keluaran Jama'at seperti *Tarjuman Al-Quran*, *Asia* dan *Ain* serta beberapa majalah lain yang bukan milik Jama'at turut sama menyumbangkan penyebaran pemikiran-pemikiran Islam yang selari dengan idea Jama'at.<sup>260</sup>

---

<sup>259</sup> Ibid., <http://www.jamaat.org/overview/facts.html>, hlm. 8.

<sup>260</sup> Ibid., hlm. 8.